

06/11/2000

Tiga lepaskan jawatan YDP

Norazmi Abdul Talib

MASJID TANAH, Ahad - Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam bersama dua pegawai daerah akan melepaskan jawatan masing-masing sebagai Yang Dipertua (YDP) tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini, menjelang tahun depan.

Mohd Ali akan melepaskan jawatan sebagai YDP Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) manakala Pegawai Daerah Jasin, Hasnawi Shahid serta Pegawai Daerah Alor Gajah, Yahaya Rashid Tajol Aros, masing-masing akan melepaskan jawatan YDP Majlis Daerah Jasin (MDJ) dan Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG).

Mohd Ali berkata, ketiga-tiga jawatan itu akan diambil alih oleh seorang pegawai kerajaan atau ahli profesional dan tiada wakil rakyat yang bakal dilantik.

"Saya sendiri akan turut melepaskan jawatan YDP MPMBB selaras dengan permohonan yang dibuat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyandang jawatan ini bagi tempoh setahun," katanya kepada pemberita selepas menutup hari keluarga sempena majlis makan bersama pemimpin anjuran Wanita Umno bahagian Alor Gajah di sini, hari ini.

Antara yang turut hadir ialah Pengerusi Mara, Datuk Abu Seman Mohd Yusop; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri, Datuk Ibrahim Durum; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Ramlah Abas serta Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri, Datuk Long Said.

Mohd Ali berkata, jawatan penyandang Pegawai Daerah diasingkan daripada menjadi YDP PBT kerana masing-masing mempunyai tugas yang banyak, terutama membantu kerajaan negeri melaksanakan program membasmi kemiskinan.

Katanya, ini selaras matlamat kerajaan negeri ingin membebaskan kira-kira 400 rakyat termiskin supaya menjadi golongan miskin yang dijangka berjumlah 800 nanti tahun depan.

"Rakyat termiskin ini akan dibebaskan dengan keputusan menaikkan elaun bantuan mereka daripada RM150 kepada RM230 sebulan, mulai tahun depan," katanya.

Selain itu, katanya, pegawai daerah juga bertanggungjawab membangunkan pekan kecil dan kawasan rekreasi serta pusat pelancongan di samping menjayakan program Sukan Melaka yang akan dilaksanakan tahun depan.

"PBT pula boleh menumpukan tugas memberi perkhidmatan kepada penduduk, termasuk di segi kebersihan, keindahan, keceriaan serta penjagaan alam sekitar," katanya.

Mengenai lawatan ke Taiwan, Mohd Ali yang pulang semalam berkata, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan lebih 250 pengusaha Industri Kecil dan Serdahan (IKS) di sana.

(END)